



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

KENYATAAN MEDIA

LEBIH 85% IPT MENCAPAI KATEGORI BERDAYA SAING DALAM PENARAFAN SETARA DAN MyQUEST 2022

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) hari ini mengumumkan keputusan Penarafan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Tahun 2022 bagi Penarafan Bersepadu Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia (SETARA) dan Sistem Penilaian Kualiti dan Kesetaraan Kolej Swasta (*Malaysian Quality Evaluation System for Private Colleges*) (MyQUEST).
2. **Sebanyak 104 IPT bertaraf Universiti dan Kolej Universiti telah menyertai penarafan SETARA manakala 175 kolej telah menyertai penarafan MyQUEST.**
3. Bagi penarafan **SETARA**, sebanyak **90 buah (86.54%)** daripada **104 buah IPT telah mendapat keputusan Berdaya Saing** dan sebanyak **14 buah (13.46%) IPT mendapat keputusan Berdaya Maju.**
4. Bagi penarafan **MyQUEST** pula, sebanyak **158 buah (90.29%)** daripada **175 buah kolej telah mendapat keputusan Berdaya Saing** manakala sebanyak **17 buah (9.71%) kolej mendapat keputusan Berdaya Maju.**
5. **Keputusan Penarafan IPT 2022 ini menunjukkan lebih 85% IPT mencapai Kategori Berdaya Saing.**
6. Pencapaian yang memberangsangkan ini membuktikan usaha berterusan dari Kementerian dalam menyediakan pendidikan tinggi yang berkualiti dan berimpak tinggi kepada pelajar.

7. Keputusan ini juga diharap dapat membina kapasiti yang mampan di samping menggalakkan IPT ke arah pendidikan tinggi di peringkat antarabangsa.
8. KPT telah membuat pembaharuan pelaksanaan SETARA dan MyQUEST 2022 dengan hanya membahagikan kepada dua kategori sahaja berbanding enam kategori sebelum ini iaitu Berdaya Saing (*Competitive*) dan Berdaya Maju (*Viable*).
9. Penetapan kategori baharu bagi Penarafan SETARA dan MyQUEST 2022 ini mengambil kira kesan pandemik COVID-19 ke atas pengurusan IPT. Ia dilihat sebagai salah satu pendekatan yang adil dan realistik kepada IPT memandangkan data yang dinilai meliputi tahun 2019, 2020 dan 2021 yang merupakan tahun-tahun negara dilanda pandemik COVID-19. Oleh yang demikian, keputusan penilaian Penarafan IPT 2022 hanya mengguna pakai **data tahun 2021 sahaja**.
10. **SETARA** merupakan sistem penilaian bertujuan untuk mengukur jaminan kualiti dan standard Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) bagi Universiti Awam, Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) kategori Universiti dan Kolej Universiti.
11. Manakala **MyQUEST** bertujuan menilai prestasi IPTS kategori kolej di Malaysia. Penilaian SETARA dan MyQUEST dilaksanakan berdasarkan instrumen dan indikator penilaian yang ditetapkan bagi memacu kepada peningkatan pendidikan berkualiti.
12. Keputusan penuh penarafan SETARA dan MyQUEST 2022 boleh dilihat di laman sesawang Jabatan Pendidikan Tinggi, KPT (<https://jpt.mohe.gov.my/portal/index.php/ms/setara-myquest>) dan Soalan Lazim berkaitan adalah seperti di **Lampiran A** yang disediakan.